

LANG SAYAP HITAM
Hen Harrier

FAMILLI: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: *Circus cyaneus*

CIRI-CIRI

Bagi burung jantan sub-spesies *C.c.cyaneus*, pewarnaan adalah kelabu yang kontras dengan bahagian bawah badan hingga bahagian bawah badan. Apabila bertenggek, hujung sayap hampir sampai ke hujung ekor. Semasa terbang, bulu pada hujung sayap bahagian atas dan bawah menunjukkan ciri unik iaitu berwarna hitam dan seakan-akan berjari 5. Bagi burung betina, ia kelihatan kurang menarik dengan warna kecoklatan, bahagian sayap dan ekor yang mempunyai baris-baris gelap, manakala pada bahagian leher dan bahagian bawah badan yang pucat dan mempunyai jalur-jalur gelap. Bagi burung juvenil pula, ia kelihatan sama seperti burung betina dengan bahagian bawah badan yang berjalur tetapi pewarnaan adalah lebih kecoklatan muda. Panjang keseluruhan spesies ini adalah 44-52 sm panjang.

MAKANAN

Ia memakan mamalia kecil dan burung.

HABITAT

Burung ini boleh dilihat di kawasan terbuka hingga ke ketinggian 1,500 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mungkin mengeluarkan celoteh menguek yang pantas *quek-ek-ek-ek, quik-ik-ak-ik-uk-ik*.

PEMBIAKAN

Seekor burung betina mampu menghasilkan 4-6 biji telur di dalam sarang yang dibina di atas tanah.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.